

Konsep Minoriti Muslim

SAMSU ADABI MAMAT

ABSTRAK

Dalam membincangkan subjek minoriti Muslim, satu perkara yang perlu diberi tumpuan ialah konsep "minoriti Muslim" itu sendiri, memandangkan Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabatnya sendiri bermula sebagai minoriti. "Minoriti" bukanlah didasarkan angka tetapi sebaliknya ia didasarkan kepada "posisi kuasa" sesuatu kumpulan itu. Sekiranya bilangan ahli sebuah kelompok di dalam sesebuah negara itu kecil tetapi dominasi kuasanya ke atas ekonomi, politik dan sosial meliputi seluruh populasi negara berkenaan, maka kumpulan tersebut tidak boleh lagi dianggap sebagai minoriti; sebagaimana dalam kes Muslim Mughal (1556-1857 M) di India. Sebaliknya, walaupun bilangannya besar tetapi aspek yang disebut di atas didominasi oleh bangsa lain, maka kumpulan tersebut masih dianggap sebagai minoriti, sebagaimana halnya dalam kes Muslim di Ethiopia pada hari ini. Dari kes ini kita boleh memahami dengan lebih jelas konsep ummatan wasatan dan konsep masyarakat hanyut.

ABSTRACT

In discussing Muslim minority, one thing which has to be focused at is the concept of the Muslim minority itself, since the Prophet Muhammad (s.a.w.) and his early fellow Muslims themselves began as minority. Minority is not based on numbers, but it is somehow based on the power position of a group. If a group's number in one country is small but its power domination in the country's economy, politics or social covers the whole country's population, the group can no longer be considered as a minority; as in the case of Mughal Muslim (1556-1857A.D) in India. In contrast, even though the number is big, the above mentioned aspects are dominated by other races, the former is still considered to be a minority, as in the case of Muslims in Ethiopia at present. From this case, we can understand better the concept of exemplary society (ummatan wasatan) and the concept of "bubble-like community"

PENDAHULUAN

Perkataan minoriti mempunyai pengertian yang berbeza berdasarkan unsur kepelbagaian sesebuah wilayah dengan wilayah yang lain, berbanding sebuah negara dengan sebuah negara lain, sebagaimana juga suatu zaman dengan suatu

zaman yang lain di dalam sejarah. Semua itu tentu sekali mempunyai perbezaan maksud yang tersendiri. Beberapa kelompok minoriti contohnya, hidup secara bertaburan di dalam sesebuah negara, manakala yang lain pula tertumpu di sesuatu bahagian tertentu, membentuk sebuah kelompok majoriti di bahagian tertentu di dalam sesebuah negara (Pirzada 1980: 67).

Istilah minoriti dalam beberapa kes yang diaplikasikan atau dirujuk bermaksud sesuatu kelompok atau kumpulan nasional, etnik atau kumpulan-kumpulan ras yang mempunyai perbezaan tertentu dengan kelompok majoriti di sesebuah negara. Dalam beberapa kes yang lain pula, ia diguna pakai untuk merujuk kepada sesuatu kumpulan bahasa ataupun kelompok agama. Di beberapa buah negara lain, istilah minoriti digunakan dengan membawa suatu gambaran yang negatif, sama ada untuk menunjukkan ciri seperti nasional, etnik, bentuk bahasa ataupun kumpulan atau kelompok yang berbeza daripada kelompok asal negara berkenaan. Berdasarkan kenyataan ini, Prof. D.P O'Connell memberikan pengertian minoriti sebagai:

Kumpulan rakyat di dalam sesebuah kerajaan, yang mereka itu dikira berdasarkan sama ada melalui perkiraan ras, bahasa ataupun agama dan biasanya ketiga-tiga unsur itu membentuk elemen dalam sesuatu komuniti. Unsur kumpulan minoriti tersebut tentu sekali agak berbeza daripada unsur-unsur milikan kelompok majoriti negara berkenaan. (Pirzada 1980: 67)

A.K. Brohi (1980: 31) pula, di dalam membahaskan persoalan minoriti memberikan jawapan beliau sendiri mengenai definisi minoriti, iaitu:

“Minoriti” itu, merupakan suatu anggaran daripada sesebuah kelompok penduduk yang mempunyai ciri yang agak nyata berbeza. Perbezaan ini, biasanya melihat kepada unsur seperti; ras/jenis kaum, agama, bahasa ataupun orientasi etnik mereka yang melambangkan mereka sebagai suatu unsur milikan yang nyatanya berbeza dan berlawanan dengan sesuatu kumpulan majoriti negara itu. Keadaan ini (dianggap minoriti) dikira begitu bilamana sesuatu grup majoriti ataupun kumpulan yang dominan yang mendiami atau menduduki sesebuah negara tadi membuat perbandingan antara diri mereka dengan kelompok minoriti dan seterusnya melihat bahawa di sana terdapat perbezaan yang agak nyata.

Dalam situasi ini, ada negara yang bertindak mengambil langkah untuk mempertahankan sesuatu kelompok minoriti dan memberi serta memperuntukkan undang-undang tertentu bagi mendiami ataupun berada dalam sesuatu kumpulan majoriti di dalam sesebuah negara. Ada pula negara yang memberi status kerakyatan di samping memperuntukkan sesuatu kawasan tertentu untuk mereka. Walau bagaimanapun, biasanya seseorang ahli daripada kelompok minoriti itu secara umumnya adalah tidak mempunyai kuasa yang boleh mempengaruhi sama ada dalam bidang kuasa pentadbiran dan pembentukan undang-undang yang digunakan oleh negara berkenaan (Brohi 1980: 31).

Kettani (1986: 1) membawa suatu definisi yang dipetik daripada kamus *Webster's Seventh New Collegiate Dictionary* yang mendefinisikan minoriti

itu sebagai: "Suatu bahagian daripada suatu penduduk/rakyat yang mempunyai perbezaan dalam beberapa ciri kepada mereka juga berbeza layanan" Walau bagaimanapun, kata beliau, definisi ini tidak mencukupi untuk menerangkan proses kewujudan sesuatu minoriti itu. Sebagai contoh, suatu perkara yang nyata bahawa sesuatu faktor yang mendorong kepada pembentukan sesuatu minoriti itu adalah disebabkan oleh wujudnya di kalangan sesuatu kelompok rakyat dalam sesebuah negara, dan mereka ini mempunyai "ciri yang berbeza" daripada penduduk asal negara itu. Oleh itu, sesuatu kelompok penduduk dalam situasi sebegini secara jelasnya boleh diistilahkan sebagai suatu kelompok minoriti semata-mata kerana wujudnya unsur "ciri yang berbeza" tersebut. Ciri yang berbeza ini seterusnya membawa kepada perbezaan layanan.

Selain unsur "ciri yang berbeza", suatu ciri lain yang menjadi ukuran ialah kemungkinan ukuran dalam bentuk fizikal, seperti unsur warna kulit. Contohnya, perbezaan layanan oleh kelompok majoriti di Amerika Syarikat terhadap kelompok "berkulit hitam", maka muncullah apa yang dikatakan minoriti kulit hitam. Namun begitu, ciri yang sama (warna kulit) adalah disedari secara menyeluruh tidak mempunyai kaitan untuk dijadikan sebab yang membawa kepada "perbezaan layanan" dalam persekitaran orang Islam. Kelompok minoriti kulit hitam di Morocco, sebagai contoh, tidak wujud, walaupun ramai orang Morocco adalah berkulit hitam. Suatu keadaan yang sama, mungkin wujud apabila wujudnya perbezaan dalam bentuk "perbezaan bahasa" sebagaimana yang diutarakan sebelum ini. Dalam persekitaran orang Islam yang sebenar, suatu perbezaan dalam aspek bahasa tidak ada kaitan (*irrelevant*) untuk dianggap sebagai minoriti dan diberikan layanan yang berbeza. Sebagai contoh, pada zaman awal empayar 'Uthmaniyah, prinsip seperti ini begitu kuat sekali dipertahankan (mempraktikkan satu bahasa sahaja). Oleh itu, pada zaman tersebut tidak akan terdapat penggunaan bahasa kelompok minoriti (Kettani 1986: 1).

Dari sudut yang lain pula, sesuatu kelompok rakyat mungkin boleh dipertimbangkan sebagai kelompok minoriti walaupun mereka banyak dari segi bilangannya di sesebuah negara atau wilayah, tetapi mereka masih menjadi bahan kepada perbezaan layanan oleh kelompok yang lebih kecil daripada mereka tetapi merupakan kelompok yang cukup berpengaruh (Kettani 1986: 1).

MINORITI: PENGERTIANNYA DARI ASPEK PERUNDANGAN

Pada tahun 1967, suatu majlis perwakilan yang dilantik telah diberi kuasa untuk memulakan satu kajian terhadap implementasi *Article 27* tentang perkara sivil dan perjanjian rasmi hak-hak politik. Dalam perakuan berikutnya, suatu perwakilan kuasa mengenai kebebasan manusia, ekonomi dan sosial telah dibuat melalui Resolusi 1418-XLVI (6.6.69), yang mana pada tahun 1971

Francesco Capotorti telah dilantik melalui majlis perwakilan itu. Beliau telah mengemukakan sebuah laporan yang diserahkan pada bulan Jun 1977. Laporan tersebut telah diserahkan berserta dengan komentar dari pihak Kerajaan. Definisi yang dikemukakan melalui laporan ini telah dianggap sebagai suatu definisi yang “berbentuk menyeluruh/ lengkap” (*comprehensive study*), berbentuk sejarah dan juga *conceptual* mengenai perlindungan antarabangsa terhadap minoriti. Laporan ini telah menawarkan suatu definisi baru bagi minoriti. Minoriti adalah;

Suatu kelompok yang ‘lemah’/kurang dari segi bilangannya berbanding penduduk tetap dalam negara itu. Mereka berada dalam suatu posisi yang non-dominan, mempunyai perbezaan sama ada dari segi etnik, agama, dan karekter bahasa penduduk tempatan. Mereka juga menunjukkan suatu perasaan kesatuan/solidariti ataupun komited dan bersungguh-sungguh dalam memelihara dan mempertahankan budaya, agama asal/ agama tradisi mereka ataupun bahasa yang mereka miliki. (James Fawcett 1996: 24)

Claire Palley (1996: 37) ketika menulis suatu tajuk *Constitutional Law and Minority* telah mengemukakan persoalan, “Apakah itu minoriti?” Kemudian beliau sendiri memberi jawapan yang diertikan sebagaimana berikut:

Mana-mana kumpulan ras, suku, kelompok penutur bahasa tertentu, kelompok agama, kasta ataupun suatu kelompok rakyat yang berada bersama suatu ‘bangsa kerajaan’ (bangsa yang dominan di negara berkenaan) dan mereka ini pula tidak berada dalam pengendalian (di luar kawalan) oleh sesuatu jentera politik kerajaan berkenaan.

Perkara penting yang patut diperhatikan ialah, minoriti di sini didefinisikan dalam suatu bentuk istilah yang didasari oleh “perkiraan posisi kuasa” mereka di dalam sosial masyarakat berkaitan. Mereka pula adalah suatu kelompok yang non-dominan. Jika begitu situasinya, maka yang harus terjadi sebagai suatu kesan daripada kenyataan itu ialah “kiranya kuasa merupakan suatu yang menjadi bingkai/kerangka rujukan/perkiraan”, maka mana-mana kelompok non-dominan, seperti wanita sekalipun, boleh dianggap sebagai kelompok minoriti juga. Walau bagaimanapun, suatu fakta yang jelas ialah bahawa pandangan sebilangan atau kebanyakan orang mengenai minoriti ini lebih merujuk kepada istilah yang mempunyai kaitan dengan etnik dan kelompok budaya (Claire Palley 1996: 37).

PERKATAAN MUSLIM YANG DISAMBUNGAN DENGAN PERKATAAN MINORITI

Terlebih dahulu istilah Muslim merupakan “suatu perkataan Arab yang membawa maksud seseorang yang menyerahkan dirinya kepada Allah, iaitu menerima Islam. Perkataan ini kadang-kalanya dieja dengan *Moslem* – suatu kalimah dalam bentuk bahasa Parsi. Kalimah *Musulman* juga merupakan suatu kalimah yang selalu digunakan untuk membawa maksud Muslim (Philips 1963: 24).

Dalam kajian ini, perkataan "Muslim" digunakan untuk menggambarkan sesiapa sahaja yang mengakui Muhammad s.a.w. putera Abdullah sebagai Rasul Allah yang terakhir serta memegang ajaran baginda sebagai suatu kebenaran ataupun pegangan, tanpa mengira/mengendahkan sedalam manakah mereka tahu mengenai ajaran Islam ataupun tanpa mengira sama ada mereka mampu untuk hidup berdasarkan kepada ajaran itu. Pengakuan sebagai Muslim ini sudah cukup untuk menimbulkan perasaan "mesra" dengan semua orang Islam yang berkongsi kepercayaan yang sama. Untuk tujuan perbincangan ini, seseorang individu itu harus menganggap dan menyedari serta mengambil berat terhadap seseorang Muslim yang lain sehingga menganggapnya sebagai sebahagian daripada "Ummah Muslim" seluruh dunia ini di mana sahaja mereka berada. Selain istilah ini, tidak ada lagi istilah lain yang sesuai untuk menggambarkan definisi Muslim bagi tujuan perbincangan minoriti Muslim ini (Kettani 1986: 2).

Tidak terdapat definisi "Muslim" lain yang munasabah dalam mempelajari perkara berkaitan Minoriti Muslim, terutamanya apabila berdepan dengan pandangan yang didasarkan kepada suatu asas ekstrim yang keras atau berat yang kita temui mengenai ungkapan "Muslim" ini pada masa lalu dan sekarang. Berkesinambungan daripada definisi tadi, maka ungkapan "Minoriti Muslim" memberikan suatu makna sebagaimana berikut:

Minoriti Muslim menunjukkan atau menggambarkan suatu kumpulan orang Muslim yang tinggal atau hidup di dalam suatu entiti politik di sesebuah negara atau kerajaan daripada beberapa bilangan (kecil dari segi bilangan) dan mendapat layanan yang kurang baik berbanding dengan non-Muslim di negara berkenaan (Kettani 1979: 5).

Walau bagaimanapun, istilah yang diberikan itu agak susah untuk dipertahankan dalam penggunaan ekspresi makna seumpama ini, semenjak wujudnya kes bahawa sesuatu komuniti Muslim mungkin dari segi bilangan mereka sedikit tetapi kuat atau berkuasa dari segi politik dan sosial. Dalam kes sebegini, kumpulan yang kecil dari segi bilangannya ini tidak boleh dianggap sebagai kumpulan minoriti. Sebagai contoh, keadaan ini boleh disamakan dengan orang Muslim Mughal di India. Dari suatu segi yang lain pula, sebuah komuniti Muslim mungkin dari segi bilangan mereka adalah banyak berbanding orang non-Muslim tetapi berkemungkinan peranan mereka dikurangkan kepada suatu posisi yang kurang penting dan kurang berkesan berbanding orang non-Muslim yang cukup berkuasa dan lebih menyerlah daripada mereka di negara berkaitan. Dalam kes seumpama ini, orang Muslim atau komuniti Muslim berkenaan seharusnya dianggap sebagai kelompok minoriti juga. Kes sebegini terjadi sebagaimana Muslim di Sicily sewaktu mereka diserang oleh orang Norman pada tahun 1061M, dan satu lagi kes yang serupa di Ethiopia dan Tanzania pada hari ini. Mengikut landasan yang sama, Lubnan juga mungkin boleh dimasukkan ke dalam kategori ini. Oleh yang demikian, kekuatan jumlah sesebuah komuniti selalunya bukanlah

merupakan suatu faktor penentu kepada siapakah kumpulan minoriti itu (Kettani 1979: 6).

KESIMPULAN

Perbincangan mengenai minoriti Muslim ini sebenarnya amat penting sekali terutamanya dalam memahami konsep minoriti Muslim itu sendiri. Ini kerana rata-rata orang menganggap bahawa minoriti itu hanyalah suatu kelompok kecil dalam sesebuah negara, sedangkan keadaan sebenarnya tidak begitu. Dalam perbincangan mengenai minoriti ini, didapati bahawa tidak ada suatu definisi umum yang diterima sepenuhnya mengenai istilah minoriti. Perkataan minoriti mempunyai erti yang berbeza berdasarkan kepada unsur kepelbagaian suatu wilayah dengan wilayah yang lain, suatu zaman dengan suatu zaman yang lain, satu kelompok dengan kelompok yang lain dan sebagainya. Di samping itu, mereka pula merupakan sekelompok penduduk yang mempunyai ciri atau karekter yang agak nyata berbeza berbanding penduduk majoriti, sehingga menjadi bahan kepada perbezaan layanan. Suatu penentu seterusnya terhadap konsep minoriti itu ialah perkiraan "posisi kuasa" sesuatu kelompok itu, sama ada mereka berkuasa atau tidak dalam politik, pentadbiran, ekonomi, sosial dan sebagainya di sesebuah negara itu.

Dalam perbincangan mengenai kalimah Muslim pula, istilah yang diterima pakai untuk kita menilai sama ada rakyat di sesebuah negara yang dibincangkan itu Muslim atau tidak, adalah memadaikan dengan penentuan ucapan syahadah iaitu; mengaku tiada tuhan melainkan Allah, dan Nabi Muhammad adalah Rasul Allah. Dengan pengakuan itu, maka orang itu dianggap sebagai Muslim tanpa mengira banyak atau sedikit amalan mereka. Sekiranya mereka tinggal di negara bukan Islam dan jumlah mereka pula sedikit serta mereka mendapat perbezaan layanan oleh pihak pemerintah negara berkenaan, maka mereka itu bolehlah digelar sebagai minoriti Muslim. Namun begitu, walaupun jumlah mereka sedikit tetapi mereka membentuk suatu posisi kuasa tertentu, sehingga negara yang mereka duduki mengiktiraf mereka sebagai kumpulan 'elit negara' serta memberi layanan yang istimewa kepada mereka. Dalam situasi ini kelompok Muslim sebegini tidak lagi boleh dianggap sebagai kelompok minoriti.

RUJUKAN

- Brohi, A.K. 1980. Problems of Minorities. Dalam *Muslim Communities in non-Muslim States* (himpunan kertas kerja seminar). London: Islamic Council of Europe.
- Fawcett, James. 1996. The International Protection of Minorities. Dalam *Reading on Minorities: Perspectives and Documents*. Jil.1 New Delhi: Institute of Objectives Studies.

- Kettani, M. Ali. 1979/1399 H. *The Muslim Minorities*. London: The Islamic Foundation. J.M. Dent & Sons (Letchworth) Ltd., Dunhams Lane.
- Kettani, M. Ali. 1986. *Muslim Minorities in the World Today*. London: Mansell Publishing Limited. Institute of Muslim Minority Affairs.
- Lal, K.S. 1990. *Indian Muslims who are they*. New Delhi: Voice of India.
- M. Abdul Aziz, Adil. 1998. *Minoriti Muslim di Ethiopia*. Bangi: Jabatan Sejarah FSKK, UKM (himpunan kertas kerja Seminar Minoriti Muslim JPATI, FPI, UKM).
- Palley, Claire. 1996. "Constitutional Law and Minorities", dalam *Reading on Minorities: Perspectives and Documents*. New Delhi: Institute of Objective Studies.
- Pirzada, S.S. 1980. "Current Status of Constitutional Rights and Religious and Cultural Freedom in Selected Non-Muslim Countries", dalam *Muslim Communities in non-Muslim States* (himpunan kertas kerja seminar). London: Islamic Council of Europe.

Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan

